

# Laluan besi Kinabalu

Jalan alternatif pendakian Via Ferrata diiktiraf tertinggi di dunia



Penulis (dua dari kanan) dan rakan menggunakan Laluan Besi atau Via Ferrata Kinabalu yang mencabar ketahanan fizikal dan mental.

Oleh Hazran Mohamed  
bminggu@bharian.com.my

**V**IA Ferrata dalam bahasa Itali bermaksud laluan besi, kini cukup sinonim dengan pendakian di Gunung Kinabalu. Ia popular di kalangan pendaki gunung itu sejak terbinanya laluan di lereng Kinabalu sebagai satu lagi laluan alternatif kepada pendaki untuk sampai ke puncaknya.

Hakikatnya, tidak ramai yang tahu kewujudan Via Ferrata di Gunung Kinabalu itu sebenarnya meletakkan Malaysia di persada antarabangsa apabila diiktiraf Via Ferrata tertinggi di dunia oleh *Guinness Book of Records*, pada 16 Disember lalu. Apa tidaknya, pada ketinggian 3,776 meter dari paras laut, ia mengatasi Via Ferrata di banjaran Marmolada West di Itali yang terletak pada ketinggian 3,343 meter. Lebih membanggakan, Via Ferrata Kinabalu juga adalah yang pertama seumpamanya di rantau Asia.

Keseluruhannya, ada lebih 300 laluan Via Ferrata di seluruh dunia dengan kebanyakannya di Eropah, khususnya di Jerman, Perancis dan Itali. Ia dibina menggunakan kabel dan talian yang disangkut pada penyangkut yang dipahat ke batu di lereng gunung. Tidak ketinggalan, plat besi sebesar tapak tangan dan batang besi berbentuk U yang dipasak ke dalam batu di

lereng gunung sebagai tempat pemijak kaki. Pendaki pula perlu memakai peralatan penyangkut pada badan sebagai komponen utama keselamatan diri.

Penulis amat bertuah kerana berpeluang mencuba laluan Via Ferrata ketika mendaki puncak Kinabalu bersama pendaki solo, Mohd Noor Mat Amin serta dua ahli Kelab Kaki Redah TV3, Mohd Haizal Khamis dan Mohd Junaidi Suboh serta seorang kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS), M Machdi Wismajaya, baru-baru ini. Pengalaman itu cukup bermakna selain mencabar ketahanan fizikal dan mental.

Perlu diingat, untuk ke Via Ferrata Kinabalu, pendaki perlu menginap di Laban Rata. Pilihan terbaik ialah di Pendant Hut yang menempatkan kabin syarikat pengendali Via Ferrata iaitu Mountain Torq Sdn Bhd. Sebelum memulakan pendakian, perkara pertama yang perlu dilakukan ialah mengisi borang maklumat peribadi serta akuan dan pengesahan mengenai tahap kesihatan diri. Borang yang disediakan lengkap dengan butiran pertanyaan dari segi jenis penyakit bahaya dihadapi, jika ada pendaki akan di larang menggunakan laluan Via Ferrata.

Selesai mengisi borang itu, pendaki perlu mengikuti kelas latihan pendakian lebih kurang 30 minit. Secara ringkas, pendaki akan diajar kakitangan terlatih



Pendaki perlu meniti kabel besi.

Mountain Torq menggunakan peralatan mendaki seperti tali penyangkut dan prosedur keselamatan ketika mendaki laluan Via Ferrata. Tidak perlu risau, kerana latihan dan prosedurnya amat mudah difahami dan senang dipraktikkan.

Sejak dibuka pada pertengahan Disember 2007, lebih 5,000 pendaki sudah melalui Via Ferrata. Hanya mereka yang pernah melaluinya saja dapat berkongsi kenangan dan menceritakannya secara terperinci

pengalaman dirasa. Yang pasti, pendaki tidaklah bersendirian kerana mereka akan disertai sekurang-kurangnya dua pendaki pengiring merangkap jurulatih yang disediakan Mountain Torq dalam setiap pendakian.

Pada pagi hari pendakian, perasaan penulis dan rakan begitu teruja untuk memulakan pendakian. Perasaannya berbeza biarpun sebelum ini penulis dan rakan-rakan sudah tiga kali menawan puncak Kinabalu, tetapi belum pernah mengguna-

kan laluan Via Ferrata.

Hasrat kami bagaimanapun terbantut seketika sebaik keluar dari kabin penginapan, hujan renyai-renyai melanda dan kabus tebal mula kelihatan memenuhi persekitaran puncak gunung. Pengiring pendakian - Jinu@Ahimin Gupili mengarahkan kami berhenti di Gunting Lagadan untuk seketika sambil menunggu keadaan cuaca lebih baik. Ketika itu, perasaan kami bercampur-baur kerana khuatir pendakian terpaksa dibatalkan jika keadaan cuaca tidak berubah sekali gus tidak membolehkan kami melalui laluan Via Ferrata.

Antara sebab utama ialah laluan Via Ferrata akan menjadi laluan air terjun yang kuat jika hujan lebat melanda kawasan pergunungan itu. Akhirnya, tepat jam 11.30 pagi, hujan renyai berhenti. Kami terus memulakan perjalanan menuju ke titik permulaan pendakian Via Ferrata kira-kira 400 meter jaraknya dari Sayat-Sayat.

Sebaik menyiapkan diri dengan peralatan penyangkut di badan, kami mulakan pendakian laluan besi dengan penuh bersemangat. Kira-kira jam 1.45 petang, kepuasan jelas terpancar dan berasa lega kerana pendakian di Via Ferrata berakhir dengan lancar dan selamat.

Via Ferrata Kinabalu mempunyai dua laluan. Setiap satu dengan jarak laluan berbeza.

Laluan pertama atau dikenali sebagai 'Walk The Torq' dengan jarak laluan lebih kurang 500 meter. Laluan ini berakhir kira-kira 250 meter jaraknya dari Sayat-Sayat, manakala laluan kedua atau 'The Low's Peak Circuit' dengan jarak 1.2 kilometer, berakhir di Puncak Selatan.

Laluan pertama agak mudah dan tidak begitu menyeksakan pendaki. Biasanya mengambil masa selama 2 hingga 3 jam untuk melepasiya. Bagaimanapun, laluan kedua agak mencabar kerana selain jaraknya jauh, pendaki juga perlu berdepan dengan jarak pendakian secara menegak yang panjang. Ini agak sesuai untuk pendaki yang tegap dan kuat dengan tempoh masa pendakianya antara 4 hingga 5 jam.

Yang pasti, satu kelebihan bagi pendaki Gunung Kinabalu jika melalui Via Ferrata berbanding menggunakan laluan biasa. Keindahan dari pelbagai sudut pandangan berlainan dari lereng gunung menjangkau hingga ke lembahnya dapat dinikmati sepenuhnya sambil meniti laluan besi Via Ferrata. Nasihat penulis, ketepikan semua perasaan takut, gementar atau gayat dengan ketinggian - rasai dan laluiilah sendiri pengalaman meniti Via Ferrata tertinggi di dunia dan satu-satunya di Asia. Saksikan sendiri keunikan dan keajaiban alam ciptaan Yang Maha Kuasa. Selamat mendaki.